

Syor gubal peraturan lindungi maklumat peribadi orang ramai

Kuala Lumpur: Perlu wujud peraturan atau undang-undang yang mewajibkan setiap organisasi melaporkan kepada pihak berkuasa jika sistem komputer mereka diceroboh atau berlaku kecurian data.

Pakar Sistem Pengurusan Maklumat Sekuriti yang juga pensyarah di Universiti Pertahanan Negara Malaysia (UPNM), Prof Madya Omar Zakaria, berkata ketiadaan undang-undang berkaitan menyebabkan kuasa melindungi maklumat orang ramai menjadi lemah.

Malah, katanya, kelonggaran undang-undang berkaitan juga menyebabkan organisasi yang menyedari data mereka dicuri mengambil langkah sendiri dengan menutup atau mematikan pelayan (server) yang boleh menyebabkan kerugian.

Pada masa sama, katanya, kejadian kecurian data itu tidak dapat dilaporkan dan diambil tin-



Omar Zakaria

dakan sewajarnya.

Undang-undang siber katanya, berbeza dengan undang-undang siber di Eropah, Amerika Syarikat dan Australia yang mewajibkan organisasi memaklumkan kepada orang ramai berhubung laman web atau pangkalan data mereka digodam dan kerosakan yang berlaku. "Dengan adanya undang-un-



Mohd Fazi Azran

dang mewajibkan pencerobohan siber dilaporkan, kepentingan awam dilindungi, maklumat dan identiti penceroboh, jenis dan kesan insiden.

"Kegagalan melaporkan insiden kepada orang ramai boleh menyebabkan organisasi berkenaan dikenakan tindakan oleh kerajaan," katanya kepada BH. Beliau mengulas pendedahan akhbar ini semalam berhubung

Pusat Riskikan Forensik Siber (CyberFIC), CyberSecurity Malaysia (CSM) yang mengesan sindiket yang dipercayai membeli data pesakit yang dicuri kumpulan penyayang siber daripada hospital kerajaan dan swasta.

Sindiket terbabit yang dipercayai bergiat dalam negara bertindak sebagai orang tengah membeli set data yang dicuri pula kepada syarikat pembekal ubat-ubatan yang menjalankan jualan menerusi dalam talian.

Ketua Penerima Projek Aplikasi Keselamatan Sumber Terbuka (OWASP), Mohd Fazi Azran, berkata undang-undang siber di negara ini seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 hanya bertujuan mewujudkan kerangka peluasan dan peraturan bagi industri komunikasi dan multimedia.

Katanya, Jenayah Komputer 1997 pula berkaitan jenayah me-

nerusi jaringan komputer masih tidak berupaya menghalang pencerobohan.

Tak cegah pencerobohan

"Setakat ini undang-undang sedia ada hanya meliputi isu selepas insiden berlaku dan tidak bersifat mencegah atau menghalang sebarang pencerobohan.

"Sistem insurans juga terdedah kepada pencerobohan siber. Keperluan untuk membuat penilaian keselamatan (SPA), audit teknologi maklumat secara berkala bagi mengurangkan tahap risiko dan menjaga organisasi dari sebarang serangan dalam atau luar," katanya.

Naib Presiden Khidmat Tindak Balas CSM, Dr Aswami Ariffin, berkata penerangan dan kesedaran awam perlu ditingkatkan lagi kerana statistik CSM tahun lalu menunjukkan ancaman siber dan botnet menurun dalam tempoh setahun.

"Penurunan serangan sebanyak 21 peratus itu hasil tindak balas pengguna meningkatkan sistem keselamatan siber dengan memasang perisian antivirus terkini, menghapuskan jangkitan virus, menyemak dan mengaudit pelayan secara berkala," katanya.